



## UMS Wujudkan Taman Botani Untuk Warisan Generasi Akan Datang

Oleh Ignasus Rias B. Simon Eko

Melalui pelan induk yang dihasilkan oleh Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa (SPTA), seluas enam hektar tanah yang berada di bukit Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah digunakan untuk mewujudkan Taman Botani UMS.

Taman ini akan ditanam dengan pokok-pokok tertentu sahaja dan jarang ditemui seperti Belian, Saraya (Meranti) dan Urat. Selain itu, pokok buah-buahan dan herba seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Pasak Bumi dan Putat juga akan di tanam di dalam taman ini.

Majlis pelancaran Taman Botani UMS ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMS Brig Jen Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon. Terdahulu dalam ucapannya, beliau menegaskan pengwujudan Dasar Lanskap untuk universiti adalah perlu sebagai garis panduan supaya vegetasi atau pokok yang terdapat di universiti berkenaan tidak dihapuskan sewenang-wenangnya. Tambahan pula, beliau mahu pokok-pokok yang terdapat dalam UMS ini ditanam dengan tersusun dan berstruktur sebagai usaha

mentransformasikan universiti menjadi sebuah taman.

Menurut beliau lagi, kewujudan Taman Botani ini bakal menjadi pusat pembelajaran dan rujukan ilmu botani, ekologi, fenologi, etnobotani, biologi fauna dan flora, mikroflora serta tumbuhan dari spesis indigenous yang lain dan taman ini juga bukan hanya dimanfaatkan untuk tujuan akademik tetapi akan memberi faedah dari aspek riadah. Katanya, usaha ini dimulakan sekarang namun hasilnya hanya dapat dilihat dalam tempoh 20-30 tahun akan datang yang akan diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), taman ini akan ditanam pelbagai koleksi tumbuhan tropika dalam dan luar negara yang bermanfaat dari segi akademik dan warisan khazanah. Pelaksanaan taman ini akan menjadi mercu tanda UMS pada masa akan datang, selaras dengan misi membangun melalui inovasi di universiti.

